



SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

RAYUAN BKM 2022

- 1. S: Siapakah yang layak membuat Permohonan Rayuan BKM 2022?**

J: Pemohon yang layak membuat Permohonan Rayuan BKM 2022 adalah:

 - i. Pemohon yang berstatus Tidak Lulus BKM 2022; atau
 - ii. Pemohon yang berstatus Lulus BKM 2022 dan terhad kepada rayuan bagi tambahan anak, perubahan status perkahwinan dan perubahan pendapatan sahaja.

- 2. S: Saya telah membuat semakan status Permohonan BKM 2022 dan didapati permohonan saya berstatus Tidak Lulus. Bilakah Permohonan Rayuan BKM 2022 bermula?**

J: Permohonan Rayuan BKM 2022 boleh dibuat:

 - i. Secara dalam talian - mulai **02 Mei 2022** hingga **02 Jun 2022***.
 - ii. Secara borang kertas - mulai **09 Mei 2022** hingga **02 Jun 2022***.

* tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

- 3. S: Bagaimanakah kaedah Permohonan Rayuan BKM 2022?**

J: Permohonan Rayuan BKM 2022 boleh dibuat seperti berikut:

 - i. Secara dalam talian di Portal Rasmi BKM LHDNM, <https://bkm.hasil.gov.my> ; atau
 - ii. Penghantaran Borang Rayuan BKM 2022 di Cawangan LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM yang berhampiran (Borang Rayuan akan dikeluarkan sebelum tempoh rayuan).

Anda digalakkan untuk membuat Permohonan Rayuan BKM 2022 secara dalam talian dengan mudah, cepat, dan selamat apabila tempoh rayuan dibuka.

- 4. S: Permohonan BKM 2022 saya tidak lulus kerana pemohon tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang (Kod 06). Apakah yang dimaksudkan dengan tidak melepasi syarat kelayakan berkenaan?**

J: Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang sekiranya:

 - i. Berstatus pelajar pada tahun 2021/2022; atau
 - ii. Berumur 19 tahun – 20 tahun dan bukan berstatus Orang Kurang Upaya (OKU)

5. **S: Saya masih belajar dan Permohonan BKM 2022 saya adalah berstatus Tidak Lulus bagi Kategori Bujang (Kod 06). Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan BKM 2022?**

J: Pelajar sepenuh masa **Tidak Layak** untuk membuat Permohonan BKM 2022. Walau bagaimanapun maklumat anda boleh didaftarkan sebagai anak di permohonan ibu bapa. Permohonan Rayuan BKM hanya dibenarkan sekiranya tamat pengajian sesi 2021/2022 atau sekiranya anda merupakan pelajar separuh masa. Maklumat dokumen sokongan yang perlu dikemukakan akan dimaklumkan kemudian.

6. **S: Saya adalah penerima Geran Khas Prihatin tetapi Permohonan BKM 2022 saya berstatus Tidak Lulus atas alasan memiliki 3 atau lebih perniagaan milikan tunggal / perkongsian. Adakah saya layak menerima BKM 2022?**

J: Semakan kelayakan BKM 2022 adalah berdasarkan syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Setiap bantuan adalah berbeza dari segi kriteria kelayakan penerima. Rayuan boleh dibuat sekiranya menepati syarat kelayakan BKM 2022.

7. **S: Apakah Kod Alasan Tidak Lulus BKM 2022 dan Dokumen Sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan BKM 2022?**

J: Kod Tidak Lulus BKM 2022 adalah seperti di bawah. Dokumen sokongan yang diperlukan semasa tempoh rayuan akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

KOD TIDAK LULUS BKM 2022

KOD TIDAK LULUS	ALASAN TIDAK LULUS
01	Maklumat Pengenalan Pemohon berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan / Status Kewarganegaraan
02	Maklumat Pengenalan Pasangan berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan
03	Maklumat Pengenalan Anak berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan
04	Hubungan Pertalian antara Anak dan Pemohon / Pasangan tidak sepadan dengan data agensi
05	Maklumat Pengenalan Pasangan perlu pengesahan
06	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang
07	Semakan agensi mendapati Anak tidak melepasi syarat kelayakan bagi umur lebih dari 19 tahun sebagai Pelajar Sepenuh Masa

KOD TIDAK LULUS	ALASAN TIDAK LULUS
08	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000
09	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,500
10	Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi
11	Pemohon / Pasangan memiliki 3 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian
12	Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
13	Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
14	Pemohon memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian
15	Semakan rekod agensi mendapati jumlah pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40).
16	Semakan rekod agensi mendapati jumlah pemilikan kenderaan Anak melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40)
17	Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pemilikan Hartanah / Pembelian Saham Hartanah yang melebihi RM500,000
18	Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi
19	Permohonan dari Luar Negara secara dalam talian
20	Semakan mendapati Anak Pemohon / Pasangan mempunyai pendapatan yang tinggi
21	Pemohon wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
22	Pemohon wujud sebagai Anak di permohonan lain
23	Pasangan wujud sebagai Pemohon di permohonan lain
24	Pasangan wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
25	Pasangan wujud sebagai Anak di permohonan lain
26	Anak telah membuat permohonan lain
27	Anak wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
29	Pemohon berstatus Kahwin tetapi tiada maklumat Pasangan
30	Pemohon berstatus Kahwin tetapi maklumat Pasangan tidak lengkap
31	Status Perkahwinan perlu pengesahan
32	Tarikh Perceraian memerlukan Salinan Sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan
33	Tarikh Kematian Pasangan memerlukan Salinan Sijil Kematian Pasangan
34	Pasangan meninggal dunia

KOD TIDAK LULUS	ALASAN TIDAK LULUS
35	Anak meninggal dunia
36	Pendapatan perlu pengesahan
38	Semakan pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan
41	Semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan

LHDNM